



TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

SEMPENA

AG REPORT WORKSHOP

**29 MEI 2014 (KHAMIS), 9.00 PAGI
PICC, PUTRAJAYA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Transformasi dan Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Senator Datuk Paul Low Seng Kuan,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

Yang Berbahagia Ketua-ketua Setiausaha,

Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya para peserta workshop yang saya kasihi sekalian.

Syukur kepada Allah SWT, kerana dengan izin-Nya juga kita dapat bersama-sama dalam majlis yang penuh bermakna pada hari ini. Majlis pada hari ini

begitu signifikan dan bermakna buat kita semua khususnya dalam kita meneruskan visi mempelopori transformasi yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri di atas jemputan ini.

2. Ucapan terima kasih juga saya tujukan buat semua peserta workshop yang sudi hadir, pihak Jabatan Audit Negara Malaysia atau JANM serta PEMANDU kerana sanggup memikul tanggungjawab menggalas amanah untuk bersama-sama memperkasakan maklumbalas Laporan Ketua Audit Negara yang akan datang.

PENCAPAIAN MALAYSIA: NIKMAT KEMAKMURAN DAN KEAMANAN

Hadirin sekalian,

3. Malaysia yang kita nikmati pencapaiannya hari ini jauh berbeza dengan Malaysia yang dahulu. Hari ini, Malaysia sudah dikenali oleh rakyat asing. Dalam peta peradaban dunia, nama Malaysia menjadi sebutan dalam banyak aspek. Dalam aspek daya saing yang dikeluarkan oleh Institut of Management Development (IMD), kita sudah boleh berbangga dengan kedudukan ke-12 terbaik dalam kalangan ekonomi dunia mengatasi negara maju yang lain seperti United Kingdom dan Australia. Walau pun kita tewas dengan Jepun dalam Final Piala Thomas ahad lalu, tetapi kita tetap mengatasi Jepun yang hanya menduduki tempat ke-21.

4. Pencapaian kita yang begitu memberangsangkan dalam tempoh yang singkat ini tidaklah dicapai dengan mudah. Ia memerlukan komitmen dan

pengorbanan banyak pihak khususnya Perkhidmatan Awam, pihak swasta serta pemain industri.

5. Salah satu aspek yang diambil kira dalam penarafan IMD adalah keberkesanan Kerajaan atau Government Efficiency. Benar, kita masih berada di kedudukan ke-15 dalam aspek tersebut. Sudah pastilah aspek keberkesanan Kerajaan ini berkait rapat dengan integriti dan cara kita mentadbir Perkhidmatan Awam.

6. Oleh kerana itu, good governance menjadi tunjang yang kritikal dan mesti menjadi amalan kepada setiap penjawat awam. Good governance bukan sahaja mengenai falsafah pengurusan dan amalan terbaik pentadbiran awam, malah lebih besar dari itu adalah merupakan keupayaan kita menampilkkan sebuah Perkhidmatan Awam yang bebas, telus, berwibawa dan dipercayai.

7. Kita sedia maklum bahawa salah satu mekanisme untuk menambah baik tahap integriti dan tadbir urus Kerajaan adalah melalui Laporan Ketua Audit Negara. Laporan ini merupakan mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) bagi memastikan pengurusan kewangan Kerajaan mencapai tahap yang terbaik. Bukan sekadar menjadi pemanas muka hadapan akhbar utama atau sekadar menjadi buah mulut untuk diperkatakan, tetapi Laporan Ketua Audit Negara ini lebih besar lagi maknanya adalah untuk dijadikan semboyan peringatan kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang kadang-kadang diulit mimpi kejayaan lalu.

8. Sepertimana hadirin sedia maklum, di bawah Program Transformasi Kerajaan, bermula daripada tahun 2013, Laporan Ketua Audit Negara mula dibentangkan pada setiap sesi Parlimen. Langkah ini bertujuan untuk memastikan sesuatu isu itu dapat

diselesaikan dengan cepat berbanding jika Laporan ini dibentangkan setahun sekali. Penyelesaian segera ini ini seterusnya akan memberi peluang kepada Kerajaan untuk menambah baik kelemahan sistem sedia ada di samping mempertingkatkan integriti dan tadbir urus penjawat awam. Ini adalah sebahagian daripada langkah proaktif kita untuk melaksanakan transformasi dalam Perkhidmatan Awam.

9. Saya percaya dan yakin dengan pelantikan Yang Berhormat Datuk Paul selaku bekas presiden Transparency International Malaysia ke kabinet telah mencerminkan kesungguhan Kerajaan yang komited dalam memastikan isu integriti dan tadbir urus negara ditangani dengan baik.

10. Jika dikaji tahap kesiapsiagaan Kerajaan dalam membentuk sebuah sistem integriti dan tadbir urus

yang kukuh, kedua-dua elemen iaitu institusi yang bebas dan kesediaan politik telahpun wujud. Sehubungan itu, pelantikan Yang Berhormat Datuk Paul merupakan satu langkah yang tepat dalam memastikan kebebasan serta tahap profesionalisme Jabatan Audit Negara Malaysia terus mampan dan terpelihara.

11. Walau bagaimanapun, kalau kita nak minta Yang Berhormat Datuk Paul sahaja yang laksanakan arahan Perdana Menteri ini memanglah tidak wajar. Sepatutnya apa yang perlu ditambah baik adalah dari segi penambahbaikan dan pelaksanaan di peringkatan Jabatan dan Kementerian itu sendiri.

12. Sehubungan itu, adalah wajar untuk setiap ketua jabatan mengambil serius setiap teguran audit dan memastikan setiap maklumbalas yang diberi bertepatan dengan prinsip tadbir urus yang baik dan

konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam yang digagaskan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara.

Hadirin sekalian,

13. Maklumbalas terhadap teguran audit tidak lagi boleh dipandang mudah. Respon – respon yang sekadar melepaskan batuk di tangga tidak lagi relevan di dalam situasi masa kini di mana rakyat mempunyai akses dan harapan yang cukup tinggi terhadap pihak Kerajaan dan penjawat awam.

14. Dalam konteks ini, saya mencadangkan agar maklumbalas terhadap teguran audit yang kukuh perlu mempunyai kriteria-kriteria berikut:

a. Persetujuan terhadap teguran audit;

- b. Tepat dan ringkas;**
- c. Tindakan yang jelas;**
- d. Siapa yang perlu melaksanakan tindakan tersebut; dan**
- e. Mempunyai elemen masa yang akan diambil untuk melaksanakan tindakan tersebut.**

15. Sehubungan itu, saya mengajak agar semua Kementerian mengubah kaedah maklum balas sedia ada kepada kaedah yang lebih mesra rakyat sepermula yang saya nyatakan sebentar tadi.

16. Hal ini kerana, rakyat ingin melihat isu – isu audit ditangani dengan bijak dan berhemah. Rakyat juga ingin memastikan setiap kelemahan dalam sektor awam diatasi dan ditambah baik. Rakyat juga

akan terus bertanya mengenai isu – isu audit yang lampau dan tindakan punitif yang telah dan bakal diambil terhadap penjawat awam yang didapati bersalah.

17. Sebab itulah saya amat menyokong usaha murni yang dilaksanakan oleh pihak Yang Berhormat Datuk Paul dan berharap segala cadangan yang terhasil daripada workshop ini dapat diimplementasikan di setiap peringkat.

18. Sebagai Ketua Perkhidmatan bagi penjawat awam, saya menyatakan ikrar saya untuk terus memberi komitmen penuh dalam memastikan segala usaha Kerajaan bagi membanteras rasuah dan meningkatkan tahap integriti dan tadbir urus sektor awam dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

19. Saya berharap kesemua Kementerian yang hadir dan terlibat dalam Laporan Ketua Audit Negara akan datang akan memberi sepenuh kerjasama dalam memperkasakan maklumbalas – maklumbalas Kementerian masing-masing.

20. Saya bersama-sama dengan Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara seterusnya akan memastikan setiap cadangan penambah baikan hasil perbincangan selama dua hari di sini akan dilaksanakan oleh semua Kementerian kelak.

21. Dengan itu, saya berdoa agar perbincangan selama dua hari ini dirahmati dan usaha murni ini diberkati Allah SWT. Saya yakin dan percaya dengan sikap komited dan berbekalkan iltizam yang tinggi, kita semua akan berjaya merealisasikan agenda transformasi negara dan transformasi Perkhidmatan Awam yang sedang giat kita laksanakan hari ini.

Mudah-mudahan segala usaha murni yang kita gembelengkan akan mendapat keredhaan Allah SWT juga. In Shaa Allah.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamu alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.